

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @
YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

SOALAN

DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan projek-projek mitigasi banjir yang telah dilakukan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air Malaysia di dalam kawasan Parlimen Hang Tuah Jaya yang selalu diancam dengan banjir apabila hujan turun dengan lebat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat satu (1) projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang dilaksanakan oleh JPS di kawasan Parlimen Hang Tuah Jaya dan Parlimen Kota Melaka iaitu RTB Sg Duyong. Projek ini telah diluluskan dalam *Rolling Plan 1 (RP1) RMKe-11* melibatkan Sungai Duyong dan Sungai Ayer Molek.
2. Skop kerja bagi projek ini adalah seperti berikut:
 - a. Melebar dan mendalamkan sungai,
 - b. Membina ban dan *Flood Wall*,
 - c. Menaiktaraf struktur Ibu Bekalan/Empangan 25 (*Headwork*),
 - d. Pengukuhan struktur jambatan,
 - e. Pembinaan semula MTB/LTB,

- f. Pengukuhan tebing sungai,
- g. Menaiktaraf Parit Kiri Duyong dan Parit Kanan Duyong,
- h. Menaiktaraf/membina semula *outlet*,
- i. Menaiktaraf pam di TCG Parit Kiri Duyong dan Parit Kanan Duyong

3. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor pada 22 Oktober 2021.

4. Selain itu, melalui Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Pelbagai Negeri, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) memberi perhatian secara khusus mengenai isu pembersihan dan mengoptimumkan kapasiti saluran/ sungai sebagai langkah mitigasi jangka pendek. Skop kerja yang terlibat di bawah program ini adalah kerja pengorekan sungai, muara sungai, pembinaan struktur hakisan tebing sungai, membuang kelodak, sampah, sisa pepejal, menaik taraf dan menyelenggara aset/ struktur kawalan banjir yang bertujuan mengurangkan risiko banjir. Di bawah program ini, KASA membantu Kerajaan Negeri dengan menyalurkan peruntukan sebanyak RM58,200.00 bagi melaksanakan dua (2) kerja bagi mengurangkan risiko banjir di Parlimen Hang Tuah Jaya.

5. Manakala di bawah butiran Projek Berskala Kecil di Bawah Inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) – Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir, sebanyak 6 kerja telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM401,722.40 untuk Parlimen Hang Tuah Jaya.

Sekian. Terima kasih.